

Headline	UUM terima kunjungan Universitas Negeri Medan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Apr 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	192,982
Page No	V7	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	510 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 17,200
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,600



UUM terima kunjungan Universitas Negeri Medan

Oleh Samsudin Oli Mohamed
bhvarsiti@bharian.com.my

MAHASISWA menjadi kumpulan sasaran universiti dalam pelaksanaan agenda pengantarabangsa dan ia mampu dicapai menerusi program pertukaran pelajar serta lawatan sambil belajar ke luar negara.

Setiap universiti wajar mengamalkan agenda berkenaan dalam konteks meningkatkan kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi untuk lebih bersaing dalam mendapatkan peluang pekerjaan.

Hakikat itu diakui delegasi Universitas Negeri Medan, Indonesia yang menganjurkan lawatan ke Universiti Utara Malaysia (UUM) selama lima hari, baru-baru ini.

Lawatan delegasi 31 mahasiswa dan penyarah Program Pendidikan Bahasa Inggeris universiti itu menjadi sebahagian agenda global bagi memberi pendedahan luas kepada mahasiswanya mengenai budaya antarabangsa.

Pada masa sama, lawatan berkenaan turut memupuk persefahaman bagi menangani cabaran hidup dalam persekitaran berbeza selain merapatkan hubungan antara kedua-dua belah universiti.

Delegasi disambut Pengarah

Petugas Galeri UUM memberi penerangan mengenai sejarah kepimpinan Malaysia kepada delegasi Universitas Negeri Medan.

Pusat Bahasa UUM, Dr Siti Jamilah Bidin yang turut menyampaikan taklimat berkaitan program pengajian, kemudahan dan aktiviti mahasiswa khususnya di bawah Pusat Bahasa UUM.

Katanya, lawatan terbabit turut

menjurus kepada usaha meluaskan kerjasama termasuk program pertukaran pelajar dan staf selain penawaran program pengajian dwi-ijazah kepada mahasiswa terpilih.

"Kita mengalu-alukan kunjungan Universitas Negeri Medan kerana yakin dengan manfaat yang bakal

diperoleh apabila mampu membentuk jaringan kolaborasi dalam usaha membina reputasi universiti di peringkat antarabangsa.

"Program ini juga mempersiapkan mahasiswa kita untuk pasaran kerja antarabangsa selain membuktikan keupayaan dan kemandapan universiti kita. Pengalaman sebegini tidak mampu digarap dalam bilik kuliah

Mahasiswa Universitas Negeri Medan melihat artifak yang dipamerkan dalam Galeri UUM.

dan mahasiswa wajar memanfaatkan agar menjadi lebih yakin, minda lebih kreatif dan inovatif, mempunyai kemahiran sosial yang tinggi serta penguasaan bahasa Inggeris yang lebih baik," katanya.

Sepanjang lawatan, delegasi turut mengadakan perjumpaan dengan Jawatankuasa Kepimpinan dan Pembangunan Siswa, Dewan Penginapan Pelajar, Yayasan al-Bukhary, meninjau Galeri UUM, kemudahan kampus termasuk bilik kuliah dan asrama.

Delegasi turut berpeluang menganjurkan pelbagai aktiviti bersama mahasiswa UUM termasuk pertandingan debat, berdiskusi dan persembahan kebudayaan dua negara selain dibawa melawat beberapa tempat menarik sekitar Sintok seperti Pekan Rabu, Bukit Kayu Hitam dan rumah kelahiran bekas Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad.